

Ibrah

Hikmah pemilihan Masjid al-Aqsa dalam Israk Mikraj



**Dr Ahmad
Irfan Ikmal
Hisham**

Ketua Program Sains
Kemanusiaan, Universiti
Malaysia Pahang

Rejab sinonim dengan peristiwa Israk Mikraj. Perjalanan malam Nabi Muhammad SAW dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa, sebelum dinaikkan ke langit, dirakamkan dalam al-Quran dan hadis.

Terdapat hikmah mengapa Nabi Muhammad SAW melalui al-Aqsa terlebih dahulu sebelum dinaikkan ke langit. Walaupun secara logik akal, lebih mudah dan dekat sekiranya Baginda terus diangkat ke langit dari Makkah. Namun, ditakdirkan Nabi SAW diperjalankan ke Palestin terlebih dahulu, walaupun wilayah itu dikuasai kerajaan Rom Timur dengan nama Aelia Capitolina.

Terdapat beberapa nama sinonim dengan wilayah Masjidil al-Aqsa. Semasa zaman Nabi SAW, diriwayatkan dalam hadis, Baginda pernah memanggil wilayah itu sebagai Baitulmaqdis dan Iliya'. Pada zaman sekarang, wilayah terbabit dikenali sebagai Palestin, al-Quds dan Jerusalem.

Ketika Nabi SAW diisrakkan ke Baitulmaqdis, tapak Masjid al-Aqsa sebenarnya kosong tanpa

bangunan. Bangunan masjid dirobohkan Raja Titus kerajaan Rom Timur pada 70 Masihi sebelum dijadikan kawasan sampah. Bagaimana Nabi solat di situ, termasuk dalam perkara ghaib wajib diimani sama seperti status bumi Palestin sebagai bumi Mahsyar seperti disebut dalam hadis.

Ramai ulama tafsir berpandangan itulah kesan kerosakan besar-besaran kedua ke atas orang Yahudi di Palestin, merujuk kepada ayat ke-4-7 dalam surah al-Isra' hingga orang Yahudi hidup merempat di seluruh dunia atau apa yang dikenali sebagai diaspora Yahudi.

Selain itu, ketika Sayidina Umar al-Khattab RA membuka Baitulmaqdis pada 637, iaitu lima tahun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, antara tindakan pertama beliau lakukan ialah membina bangunan Masjid al-Aqsa di tapaknya yang kosong.

Al-Tabari meriwayatkan ketika Umar masuk ke tapak al-Aqsa, beliau bertanya kepada Ka'ab al-Ahbar, iaitu bekas pendeta Yahudi yang memeluk agama Islam mengenai di mana tapak perlu dibina bangunan Masjid Al-Aqsa.

Asalnya, Ka'ab mencadangkan tapak Dome of The Rock kerana di situ lah tapak paling suci dalam agama Yahudi. Namun, Umar memutuskan untuk membina bangunan untuk solat di bahagian paling selatan kerana ia menghadap ke arah yang lebih hampir kepada Kiblat.

Umar turut membersihkan

sampah-sarap bertimbun di kawasan berkenaan sepanjang pemerintahan Rom seperti tercatat dalam *The History of al-Tabari*.

Masjid al-Aqsa ialah kawasan kompleks berpagar keluasan sekitar 14 hektar. Ia dikenali al-Haram al-Sharif dalam kalangan orang tempatan, walaupun hakikatnya ia bukanlah salah satu Tanah Haram dalam agama Islam. Menurut kajian Dr Haitam al-Ratrout, pelan kompleks Masjid al-Aqsa adalah sama dengan pelan Kaabah.

Dalam kompleks pagar Masjid al-Aqsa ini, terdapat banyak masjid kecil lain. Paling utama, masjid menempatkan ruang legar utama untuk solat dikenali sebagai al-Masjid al-Qibliy. Masjid berkubah perak gelap ini sering dikatakan sebagai Masjid al-Aqsa sebenar, sedangkan ia antara keseluruhan masjid itu.

Bangunan al-Aqsa lain termasuklah Masjid Qubbah al-Sakhrah atau lebih dikenali sebagai Dome of The Rock. Masjid ini dibina Abdul Malik Marwan. Kubahnya berwarna emas, menjadi tarikan dari kejauhan untuk orang bermusafir ke Palestin sejak berzaman.

Dalam masjid ini, terdapat satu gua kecil. Batu di atas gua itulah dikatakan tempat nabi Mikraj ke langit. Tiada batu terapung, melainkan bibir gua sahaja boleh dilihat dengan jelas dalam masjid ini.

Masjid Dome of the Rock ini juga adalah sebahagian daripada Masjid al-Aqsa. Tapak inilah



Status bumi Palestin sebagai bumi Mahsyar seperti disebut dalam hadis.

paling diinginkan Yahudi kerana mereka percaya itulah tapak paling suci untuk mereka dirikan kuil ketiga mereka.

Selain itu, terdapat juga Masjid Lama al-Aqsa, Masjid Marwan dan Masjid Buraq yang terletak di ruang bawah tanah. Di sebelah Masjid Buraq itulah letaknya Tembok Ratapan, tempat orang Yahudi meratap kerana menangisi kehancuran kuil mereka terdahulu.

Di sekitar kawasan lapang al-Aqsa, terdapat banyak lagi binaan dan monumen lain seperti mihrab, minbar, kubah, muzium dan sekolah. Semuanya dibina pemerintah Islam daripada satu khilafah ke khilafah lain sebagai tanda kesan pemerintahan mereka, selain berfungsi sebagai pernyataan identiti Islam dan

Arab di Masjid al-Aqsa.

Pada tahun ini, sekali lagi sambutan Israk Mikraj di Palestin diraikan ketika masjid suci ketiga umat Islam itu masih lagi berada di bawah penjajahan Israel. Selain itu, ancaman COVID-19 juga melanda wilayah berkenaan.

Kesannya, pihak pengurusan Masjidil Aqsa menutup keseluruhan masjid berbumbung atau tertutup dalam bangunan bagi mengawal penularan wabak ini. Solat berjemaah yang sebelum ini masih diteruskan di kawasan dataran di belakang Masjid Qibliy, sudah tidak dibenarkan.

Semoga Allah memelihara Masjid al-Aqsa ini hingga membolehkan kita solat di sana selepas ia dimerdekaan semula di bawah panji Islam.